



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**  
**45000 KUALA SELANGOR**  
**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk memasuki tender bagi kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH JUJALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
1.	<p>KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENAIKTARAF LONGKANG MONSUN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PUSARA, JALAN 9, TAMAN CEMPAKASARI DAN JALAN 5, KAMPUNG BARU IJOK, IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>No.Tender : MDKS T6/2019 No.Fail : 127/marris/T6/19-6</p>	<p>Gred G5</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE 01 &amp; CE 21</p>	<p>20.12.2019 (JUMAAT) JAM 9.00 PAGI</p> <p>BERKUMPUL DI DEWAN SIANTAN, MDKS</p>	<p>Mulai 20.12.2019 Hingga 10.1.2020</p>	<p>13.1.2020 (jam 12 t/hari)</p> <p>Tender yang lewat tidak akan Diterima</p> <p>HARGA DOKUMEN</p> <p>RM 200.00</p>

Bagi lawatan tapak dan sesi taklimat, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat **tidak boleh** mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam SPKK dan CIDB.


Semakan Dokumen Meja Tender serta pembelian Dokumen Tender boleh diperolehi di **Unit Perolehan**, Tingkat Satu, Majlis Daerah Kuala Selangor pada waktu pejabat bermula 20 Disember 2019 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Taraf Bumiputra, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan serta salinan resit ASAL pembelian Dokumen Tender bersama-sama Dokumen Tender yang telah lengkap.

\* **Penyata Bank yang terkini dan telah disahkan perlu disertakan bagi tawaran kerja di bawah Gred Pendaftaran G2 sehingga G7**

\* **Hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan membeli Dokumen Tender**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Tender serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 13 Januari 2020, jam 12.00 tengah hari** seperti tarikh yang dinyatakan. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

  
.....  
( **Azman Bin Danlan A.I.S.,P.P.T. )**  
**Setiausaha**  
**Majlis Daerah Kuala Selangor**  
**b.p. Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Kuala Selangor**  
OS/akm/ikantender/131219

**Tarikh : 17 Disember 2019**